KAMPUNG BATU LIMA

Jalan Bangi, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan

Create a free website or blog at WordPress.com.

Kampung Batu Lima Bangi: Hari Ini

Kampung Batu Lima Bangi terletak di Jalan Bangi, Selangor. Pada tahun 1940-an nama kampung ini ada tercatat di dalam geran tanah penduduk tertua kampung. Rata-rata penduduknya adalah berbangsa Jawa suku Kendal dan Karanganyar yang berasal dari Jawa Tengah. Di antara mereka yang tertua di kampung ini yang telah banyak menyumbangkan jasa kepada kampung terdiri daripada

1. Tn. Hj. Sangit Bin Jamal: Bekas Ketua Kampung
2. Tn. Hj. Noh: Bekas Imam (Status: Meninggal)
3. Tn. Hj. Rawi: Bekas Imam (Status: Meninggal)
4. Tn. Hj Hamdani Saw@As-Sanussi: Bekas Bilal (Status: Meninggal)
5. Tn. Hj. Mustanir: Setiausaha Surau/Amil (Status: Meninggal)
6. Cikgu Tn. Hj. Kahar: Pengerusi Surau
7. En. Abdul Rahman Saring: Amil II
8. Tn. Hj. Keliwoon: Ahli Jawatankuasa Kampung (Status: Meninggal).

Nama-nama mereka ini jika disebut sahaja semua orang kampung akan kenal kerana jasa dan sumbangan mereka dalam merancang kemajuan Kampung Batu Lima Bangi.

Adat dan Budaya Jawa Kendal

Di antara aktiviti kampung yang masih tebal pengaruh Jawanya Kendal ialah:

- Pada setiap kenduri kendara terutamanya kenduri arwah, para hadirin akan dibekalkan “berkat” dan sejenis makanan yang dipanggil “bergedel” yang

merupakan makanan kebiasaan keturunan Jawa Kendal.
- Adat Fidyah bagi si mati dengan cara pengiraan Jawa.
- Majlis cukur jambul atau di dalam bahasa Jawa disebut sebagai 'muputi.

Cara Sampai Ke Sini

Kampung ini boleh dimasuki melalui Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dengan menyusur masuk ke Plaza Tol Bandar Seri Putra. Daripada plaza tol tersebut, jalan terus sehingga ke persimpangan lampu isyarat pertama. Berhenti jika lampu isyarat merah, dan apabila lampu isyarat hijau jalan terus ke hadapan.

Pengunjung akan melalui bangunan McDonald dan stesen minyak Petronas di sebelah kiri. Dalam jarak lebih kurang 2 kilometer ambil susur turun ke Bangi Lama ataupun Semenyih. Berhenti di lampu isyarat dan bersedia untuk mengambil simpang ke kanan menghala ke Semenyih. Jarak daripada lampu isyarat ke Kampung Batu Lima Bangi hanyalah lebih kurang 1 kilometer.

Penandanya ialah selekoh tajam yang mana pada sebelah kanannya akan kelihatan Sungai Semenyih manakala di sebelah kirinya kebun getah milik orang kampung. Satu ketika dahulu pokok asam Jawa menjadi penanda kampung ini.

Sepanjang perjalanan pengunjung akan melalui gerai-gerai kecil di kiri dan kanan jalan yang kebiasaannya menjual hasil-hasil kampung seperti ubi kayu, pisang, keledek, sukun, tapai dan jika tiba musim durian akan ada buah durian.

Pengunjung juga boleh menaiki kereta api komuter daripada Kuala Lumpur dengan membeli tiket untuk ke Bangi Lama. Setibanya sahaja pengunjung di stesen komuter Bangi Lama, pengunjung boleh menaiki kereta sewa yang beroperasi di kawasan sekitar stesen.

MAY 11, 2015MAY 11, 2015 **ADMINBATULIMA** **BANGI**, **KAMPUNG BATU LIMA**, **KAMPUNG BATU LIMA BANGI**, **KAMPUNG WARISAN**, **KENDURI JAWA**, **SAMBAL GORENG**, **SEMENYIH**

2 thoughts on "Kampung Batu Lima Bangi: Hari Ini"

1. **kl01**
   December 30, 2015 at 6:11 am Reply
   Teruskanlah.. ◎

   adminbatulima
   January 8, 2016 at 3:03 am Reply
   Insya Allah, terima kasih kerana melawat dan memberi dorongan.